

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

PMT 400 – Pengurusan Makmal Multimedia

Masa 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini

ARAHAN

Jawab **SEMUA** soalan dalam **BAHAGIAN A** dan jawab **DUA (2)** soalan sahaja daripada **BAHAGIAN B**

BAHAGIAN A
(50 markah)

Jawab **SEMUA** soalan

- 1 Terdapat **TIGA (3)** perkara penting yang perlu diutamakan ketika merekabentuk sesebuah makmal multimedia Nyata dan jelaskan ketiga-tiga perkara tersebut
(15 markah)

- 2 Jelaskan **LIMA (5)** sebab yang boleh digunakan bagi menentukan keputusan bahawa sistem rangkaian tanpa wayar adalah lebih praktikal berbanding sistem rangkaian berwayar
(15 markah)

- 3 a) Berikan definisi "*Human Computer Interface*" (HCI) Nyatakan **TIGA (3)** sebab wujudnya kepentingan terhadap HCI dalam merekabentuk makmal dan peralatan
(10 markah)

- b) Secara umum, terdapat **TIGA (3)** peruntukan perundangan yang utama dalam menguatkuasakan hakcipta penerbitan multimedia Jelaskan ketiga-tiga peruntukan tersebut
(10 markah)

BAHAGIAN B
(50 markah)

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja

- 4 a) Berikan definisi “perisian dan peralatan pencegahan” Senaraikan kategori perisian dan peralatan ini serta kepentingannya dalam makmal multimedia
(10 markah)
- b) Sebagai seorang Penyelia Teknologi Maklumat dalam organisasi anda, bincangkan bagaimana usaha-usaha keselamatan data dapat dibangunkan dengan mengaplikasikan kaedah “*preventive*” yang bersesuaian
(15 markah)
- 5 a) Terangkan **DUA (2)** kaedah pembelajaran yang boleh diaplikasikan dalam sesebuah makmal multimedia
(10 markah)
- b) Anda baru dilantik menjadi seorang Penyelia Teknologi Maklumat di sebuah sekolah menengah Cadangkan beberapa tindakan yang sesuai dalam menentukan arah bagi mencapai objektif pengurusan makmal multimedia yang efisien
(15 markah)
- 6 a) Jelaskan **DUA (2)** isu dan permasalahan utama pengurusan makmal multimedia di sekolah-sekolah di Malaysia
(10 markah)
- b) Bincangkan cadangan Fryer (2000) terhadap fungsi makmal multimedia dan penggunaan sumber guna tenaga manusia bagi memastikan kecekapan pengurusan makmal berada di tahap yang maksimum
(15 markah)